



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA**  
**JUN 2022**

---

**Indeks Harga Pengeluar Malaysia menyederhana untuk mencatatkan  
10.9 peratus pada Jun 2022**

**PUTRAJAYA, 27 Julai 2022** – Kenaikan Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang menyederhana untuk mencatatkan 10.9 peratus pada Jun 2022 berbanding 11.2 peratus direkodkan pada Mei 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini di dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, JUN 2022**.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Semua sektor merekodkan peningkatan dua digit kecuali bagi sektor utiliti. Sektor Pembuatan yang merupakan wajaran terbesar dalam IHPR (81.6%), mencatatkan peningkatan 10.0 peratus pada Jun 2022. Walaupun subsektor daripada sektor ini merekodkan peningkatan dua digit, aliran peningkatan telah mulai perlahan. Pembuatan kok & produk petroleum bertapis merekodkan 22.3 peratus pada Jun 2022, lebih rendah berbanding 22.9 peratus pada Mei 2022. Pada masa yang sama, Pembuatan produk makanan mencatatkan peningkatan perlahan kepada 18.6 peratus pada Jun 2022 daripada 19.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pembuatan kimia & produk kimia turut menyederhana daripada 11.4 peratus pada Mei 2022 kepada 10.5 peratus pada Jun 2022. Sementara itu, 16 subsektor yang lain mencatatkan peningkatan perlahan dalam julat antara 0.4 peratus dan 9.5 peratus. Manakala, dua subsektor merekodkan penurunan dan satu subsektor kekal tidak berubah."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "Walaupun harga komoditi Minyak kelapa sawit mengalami sedikit penurunan kepada RM6,106.00/tan pada Jun 2022 berbanding bulan sebelumnya (RM6,873.00/tan), indeks bagi sektor Pertanian, perhutanan & perikanan kekal merekodkan kenaikan dua digit yang perlahan dengan kadar 18.1 peratus berbanding 29.8 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu. Selain daripada dipacu oleh indeks Tanaman kekal, indeks Perikanan dan Pembalakan turut menyumbang kepada peningkatan dalam sektor ini pada Jun 2022. Selain itu, indeks Penanaman tanaman tidak kekal dan Pengeluaran ternakan meningkat masing-masing dengan 7.5 peratus dan 6.9 peratus. Peningkatan pada kedua-dua indeks ini adalah antaranya dipengaruhi oleh kenaikan dalam indeks Tomato (34.9%), Kobis bulat (22.8%), Terung (19.2%), Telur ayam (9.7%) dan Ayam (8.0%)."

Sektor Perlombongan merekodkan kenaikan 17.5 peratus pada Jun 2022 berbanding 20.6 peratus yang dicatatkan pada Mei 2022. Peningkatan ini dipacu terutamanya oleh kenaikan dalam indeks Gas asli (43.4%) dan Minyak mentah (12.7%). Bagi indeks utiliti, kenaikan 2.1 peratus dicatatkan oleh indeks Bekalan air, manakala, indeks Bekalan elektrik & gas menurun 0.2 peratus.

Melihat kepada perbandingan bulan ke bulan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "Berbanding Mei 2022, IHPR pengeluaran tempatan pada Jun 2022 menurun buat kali pertama pada tahun ini, untuk merekodkan negatif 0.1 peratus berbanding kenaikan 1.2 peratus yang dicatatkan pada Mei 2022. Penurunan ini disumbangkan oleh indeks Pertanian, perhutanan & perikanan yang mencatatkan penurunan 9.5 peratus (Mei 2022: 0.9%), dipengaruhi oleh kejatuhan dalam indeks Buah tandan segar kelapa sawit (-14.3%). Sementara itu, indeks Perlombongan meningkat 5.4 peratus (Mei 2022: 4.0%) disumbangkan oleh kenaikan pada indeks Minyak mentah (5.9%) dan Gas asli (3.2%). Pada masa yang sama, indeks Pembuatan meningkat pada kadar yang perlahan iaitu 0.7 peratus berbanding 1.0 peratus yang direkodkan pada Mei 2022. Peningkatan ini dipacu oleh kenaikan dalam indeks bagi subsektor Pembuatan produk petroleum bertapis (1.8%), Pembuatan komponen & papan elektronik (1.2%) dan Pembuatan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer (1.2%). Namun begitu, kenaikan ini diimbangi dengan penurunan dalam indeks Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-0.3%) dan Pembuatan besi

& keluli asas (-0.2%). Indeks Bekalan air meningkat 0.7 peratus, manakala, indeks Bekalan elektrik & gas menurun 0.4 peratus.”

Mengulas mengenai IHPR pengeluaran tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat pada kadar yang perlahan iaitu 16.9 peratus pada Jun 2022 berbanding 17.3 peratus direkodkan pada Mei 2022. Kenaikan ini disumbangkan oleh indeks Bahan bukan makanan (19.2%) dan Bahan makanan & makanan untuk binatang (4.8%). Pada masa yang sama, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen meningkat 13.0 peratus pada Jun 2022, rendah sedikit berbanding 13.5 peratus yang direkodkan pada Mei 2022. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan dalam indeks Bahan api yang diproses & pelincir (18.0%), Bahan & komponen untuk pembuatan (14.1%) dan Bekalan (6.3%). Selain itu, indeks Barang siap mencatatkan peningkatan lebih tinggi pada Jun 2022 dengan 1.6 peratus (Mei 2022: 1.0%), disokong oleh peningkatan dalam indeks Makanan pengguna siap (6.7%).”

Ketua Perangkawan Malaysia turut menjelaskan bahawa perbandingan pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 2.5 peratus berbanding peningkatan 2.1 peratus pada Mei 2022. Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen meningkat 0.6 peratus, diikuti indeks Barang siap yang juga meningkat 0.6 peratus.

Pada suku tahun kedua 2022, IHPR pengeluaran tempatan merekodkan kenaikan 11.1 peratus (ST1 2022: 10.2%). Peningkatan ini dipacu oleh indeks Perlombongan (18.8%), Pertanian, perhutanan & perikanan (17.6%), Pembuatan (10.0%) dan Bekalan air (1.5%). Sementara itu, indeks Bekalan elektrik & gas turun 0.1 peratus. Manakala, perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPR pengeluaran tempatan meningkat pada kadar yang perlahan iaitu 3.3 peratus berbanding 3.5 peratus yang direkodkan pada suku tahun pertama 2022.


Melihat kepada inflasi di peringkat pengeluar bagi beberapa negara terpilih, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Inflasi di peringkat pengeluar pada Jun 2022 bagi Jerman (32.7%), United Kingdom (16.5%) dan Amerika Syarikat (11.3%) adalah lebih tinggi daripada Malaysia (10.9%). Kenaikan di Jerman didorong oleh kenaikan harga tenaga (gas asli dan elektrik). Peningkatan di United Kingdom didorong antaranya oleh Produk petroleum (86.1%), Kimia & farmasutikal (22.9%) dan Produk makanan (12.3%). Pada masa yang sama, kenaikan harga gasoline, diesel, kenderaan bermotor & kelengkapan dan gas asli menyumbang kepada kenaikan 11.3 peratus bagi inflasi di peringkat pengeluar di Amerika Syarikat pada Jun 2022. Bagi negara Asia Pasifik terpilih, Jepun dan Republik Korea merekodkan kenaikan masing-masing pada kadar 9.2 peratus dan 9.9 peratus pada Jun 2022."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat dan menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.







DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 27 Julai 2022

**Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia**




**Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia**




Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 27 Julai 2022

**Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemrosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia**



**Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun), Jun 2021 – Jun 2022**



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**27 JULAI 2022**



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA  
JUNE 2022**

---

***Malaysia's Producer Price Index eased to record 10.9 per cent in  
June 2022***

***PUTRAJAYA, 27<sup>th</sup> July 2022*** – The increase in Malaysia's Producer Price Index which measures the prices of goods at factory gate eased to record 10.9 per cent in June 2022 as compared to 11.2 per cent recorded in May 2022, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report, the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, JUNE 2022**.

*In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, "All sectors recorded a double digit increase except for utility sectors. Manufacturing sector which is the highest weight in the PPI (81.6%), posted a 10.0 per cent increase in June 2022. Although the sub-sectors from this sector recorded a two-digit increase, the magnitude of increase has slowed down. Manufacture of coke & refined petroleum products recorded 22.3 per cent in June 2022, down from 22.9 per cent in May 2022. Similarly, Manufacture of food products posted a slower increase to 18.6 per cent in June 2022 from 19.3 per cent recorded in the previous month. Manufacture of chemicals & chemical products also eased from 11.4 per cent in May 2022 to 10.5 per cent in June 2022. In addition, 16 other sub-sectors posted a lower increase in the range of between 0.4 per cent and 9.5 per cent. On the other hand, two sub-sectors recorded a decline and one sub-sector remained unchanged."*

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "Eventhough the price of Crude palm oil commodity experienced a slight decrease to RM6,106.00/tonnes in June 2022 as against a month before (RM6,873.00/tonnes), index for Agriculture, forestry & fishing sector remained recorded a slower double digit increase of 18.1 per cent as compared to 29.8 per cent in the same period a year ago. Apart from being driven by Perennial crops index, Fishing and Logging indices also contributed to the increase in this sector during June 2022. In addition, indices of Growing of non-perennial crops and Animal production increased 7.5 per cent and 6.9 per cent respectively. The increase in both indices were contributed by the incline in the indices of Tomato (34.9%), Round cabbage (22.8%), Aubergines (19.2%), Hen's eggs (9.7%) and Chicken (8.0%)."

Mining sector recorded an increase of 17.5 per cent in June 2022 as opposed to 20.6 per cent posted in May 2022. The increase was mainly driven by increases in Natural gas (43.4%) and Crude oil (12.7%) indices. In terms of utility indices, an increase of 2.1 per cent was recorded in Water supply index, while, Electricity & gas supply index decreased 0.2 per cent.

In terms of month-on-month comparison, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained, "Comparing with May 2022, the PPI local production in June 2022 declined for the first time this year, to record a negative 0.1 per cent as against a 1.2 per cent increase posted in May 2022. The decrease was contributed by Agriculture, forestry & fishing index that registered a 9.5 per cent decline (May 2022: 0.9%), underpinned by a decrease in Oil palm fresh fruit bunches index (-14.3%). On the other hand, Mining index increased 5.4 per cent (May 2022: 4.0%) attributed by the rise in the indices of Crude oil (5.9%) and Natural gas (3.2%). Similarly, Manufacturing index increased at a slower rate of 0.7 per cent as compared to 1.0 per cent recorded in May 2022. The incline was due to the increase in indices of sub-sectors namely Manufacture of refined petroleum products (1.8%), Manufacture of electronic components & boards (1.2%) and Manufacture of basic chemicals, fertilisers & nitrogen compounds, plastics & synthetic rubber in primary forms (1.2%). However, the incline was also offset by the decline in indices of Manufacture of vegetable & animal oils & fats (-0.3%) and Manufacture of basic iron & steel (-0.2%). Water supply index increased 0.7 per cent, while, Electricity & gas supply index decreased 0.4 per cent."



*Commenting on the PPI local production by stage of processing, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The index of Crude materials for further processing increased at a slower rate of 16.9 per cent in June 2022 in comparison to 17.3 per cent recorded in May 2022. The increase was contributed by indices of Non-food materials (19.2%) and Foodstuffs & feedstuffs (4.8%). Similarly, index of Intermediate materials, supplies & components increased 13.0 per cent in June 2022, slightly lower than 13.5 per cent recorded in May 2022. The increase was driven by an increase in indices of Processed fuel & lubricants (18.0%), Materials & components for manufacturing (14.1%) and Supplies (6.3%). On the other hand, Finished goods index registered a higher increase in June 2022 with 1.6 per cent (May 2022: 1.0%), attributed by the increase in Finished consumer foods (6.7%) index."*

*The Chief Statistician Malaysia also explained that in terms of monthly comparison, index of Crude materials for further processing decreased 2.5 per cent as against a 2.1 per cent incline in May 2022. Index of Intermediate materials, supplies & components increased 0.6 per cent, followed by Finished goods index that also rose 0.6 per cent.*

*In the second quarter of 2022, the PPI local production posted an increase of 11.1 per cent (Q1 2022: 10.2%). The increase was led by Mining (18.8%), Agriculture, forestry & fishing (17.6%), Manufacturing (10.0%) and Water supply (1.5%) indices. On the other hand, Electricity & gas supply index declined 0.1 per cent. Meanwhile, a quarter-on-quarter comparison showed that PPI local production increased at a slower rate of 3.3 per cent as opposed to 3.5 per cent recorded in the first quarter of 2022.*

*Commenting on the inflation at the producer level of selected countries, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The inflation at the producer level in June 2022 for Germany (32.7%), the United Kingdom (16.5%) and the United States of America (11.3%) were higher than Malaysia (10.9%). The increase in Germany was attributed by an increase in the prices of energy (natural gas and electricity). The increase in the United Kingdom was driven by Petroleum products (86.1%), Chemical & pharmaceutical (22.9%) and Food products (12.3%). Similarly, rising prices of gasoline, diesel, motor vehicles & equipment and natural gas contributed to the 11.3 per cent increase in the inflation at the producer level for United*


*Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 27<sup>th</sup> July 2022*

*States of America in June 2022. For selected Asia Pacific countries, Japan and Republic of Korea recorded an increase at a rate of 9.2 per cent and 9.9 per cent respectively in June 2022.”*


*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to 31<sup>st</sup> December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15<sup>th</sup> April 2022 to 30<sup>th</sup> September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by respondents in providing their information and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022).*


**Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia**




**Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia**



**Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia**



**Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year), June 2021 – June 2022**



Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
27<sup>th</sup> JULY 2022**